



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PEMIKIRAN DALAM PUISI-PUISI PENYAIR  
LEPASAN MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS  
SELEPAS MERDEKA**

**NAFFI BIN MAT**

**FBMK 1999 12**

PEMIKIRAN DALAM PUISI-PUISI PENYAIR  
LEPASAN MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS  
SELEPAS MERDEKA

Oleh

NAFFI BIN MAT

Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Keperluan Untuk Master Sastera  
di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

September 1999



"Cinta kita  
adalah selaut hayat"  
untuk: noraini abdullah  
ainal adlin  
ainil izzyan  
ainul azzfar aminin  
mohd izzwan  
bonda limah samad  
mertua jahara latif  
limpahilah rahmatMu, iya Allah!  
kugamit untuk kesejahteraan  
dunia-akhirat



## PENGHARGAAN

Dengan segala rendah diri, pengkaji menadah tangan rasa syukur ke hadzrat Ilahi kerana dengan limpah dan keizinan-Nya yang tidak terhingga dan tidak ternilai pengkaji akhirnya dapat menyiapkan kerja-kerja penulisan tesis sarjana ini dalam waktu yang dijangkakan.

Sehubungan dengan ini pengkaji menghulurkan penghargaan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Kamaruzzaman Abd. Kadir, Dr. Ramli Isin dan Tuan Hj. Rahim Marasidi, Pensyarah dari Fakulti Bahasa Moden, dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, selaku penyelia sepanjang kajian ini. Dengan keikhlasan dan ketabahan mereka membimbing maka tesis ini dapat diselesaikan dalam bentuk yang dapat dilihat sekarang.

Ucapan terima kasih juga pengkaji hulurkan kepada Tuan Hj. Ahmad Kamal Abdullah (Kemala), Encik Suhaimi Hj. Muhammad dan Dr. Samsina Abd. Rahman yang sedikit sebanyak telah memberi semangat untuk kajian ini. Terima kasih juga dihulurkan kepada Cik Eleanor Ann Tan Lye Neo dan kawan-kawan yang tidak dapat pengkaji senaraikan satu persatu, juga turut memberi semangat yang berguna sepanjang kajian ini dibuat.



Kepada beberapa pihak perpustakaan tertentu iaitu Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Media, Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, rasa penghargaan dan terima kasih kerana telah menyumbangkan bahan-bahan rujukan yang diperlukan sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhirnya ucapan terima kasih pengkaji hулurkan kepada isteri, Noraini Abdullah, dan anak-anak yang disayangi, yang senantiasa memahami tanggungjawab dan gelisah nurani ini dalam usaha bersama untuk mencapai cita-cita hidup. Semoga Allah Yang Maha Kuasa melindungi dan melimpahkan rahmatNya kepada mereka semua.

**AMIN**

NAFFI BIN MAT  
143, Taman Juta,  
44000 Kuala Kubu Bharu,  
Selangor.

23 September 1999/  
13 Jamadilakhir 1420



## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI SINGKATAN .....	viii
ABSTRACT .....	ix
ABSTRAK .....	xi
 <b>BAB</b>	
I	
PENDAHULUAN .....	1
Pengenalan .....	1
Pernyataan Masalah .....	17
Kepentingan Kajian .....	20
Objektif Kajian .....	22
Batasan Kajian .....	23
Definisi Konsep .....	26
Kaedah Kajian .....	31
II	
SOROTAN KAJIAN .....	32
Pengenalan .....	32
Pandangan Sarjana Sastera Tempatan dan Barat .....	33
Sejarah MPSI dan Perkembangan Genre Puisi Melayu Moden .....	46
III	
METODOLOGI KAJIAN .....	55
Pengenalan .....	55
Pendekatan Sosiologi .....	57
IV	
ANALISIS PEMIKIRAN .....	75
Pengenalan .....	75
Intropeksi Diri Dengan Keluarga ...	79
Intropeksi Diri Dengan Masyarakat Desa .....	103
Intropeksi Diri Dengan Masyarakat Kota .....	125
Intropeksi Diri Dengan Politik ....	154
Intropeksi Diri Dengan Keagamaan ..	180



KESIMPULAN .....	195
BIBLIOGRAFI .....	212
BIODATA DIRI .....	218



## SENARAI JADUAL

- JADUAL I: Penyesuaian Pendekatan Sosiologi
- JADUAL II: Bilangan Puisi-puisi Yang Relevan Berkait Dengan Introspeksi Diri





## SENARAI SINGKATAN

APDC	Asia Pacific Development Centre
Bil.	Bilangan
ed.	editor
FMC	Federation at Malay School Certificate
hal.	halaman
IPSI	Institut Perguruan Sultan Idris
K'ga	Keluarga
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KK	Kesan Kunjungan
KONPEN	Konvensyen Pendidikan
M. Desa	Masyarakat Desa
M. Kota	Masyarakat Kota
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
P.tik	Politik
pnys.	Penyusun
SITC	Sultan Idris Training College
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
TDT	Tulisan Dikamar Tidur
TT	Timbang Terima
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
WM	Warna Maya



Abstract of thesis presented to the Senate of  
Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirements for the degree of  
Master of Arts.

TREND OF THOUGHT IN POEMS BY POST-  
INDEPENDENCE POETS FROM MAKTAB  
PERGURUAN SULTAN IDRIS

By

NAFFI BIN MAT

SEPTEMBER 1999

**Chairman:** Kamaruzzaman bin A. Kadir

**Faculty:** Modern Languages and Communication

The British colonial government formed the Sultan Idris Training College (SITC) in 1922, later known as Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), to train teachers for the Malay primary schools. The college offered academic as well as profesional training.

Two years later, the college established a 'Pejabat Karang-Mengarang' and 'Pejabat Penterjemah' headed by R.O. Winstedt and Za'ba, a prominent Malay intellectual. In addition to writing and translating literary works, the college also encouraged trainees to read novels and poetries. After Malaya gained independent from the British in 1957, MPSI continued to train primary school teachers.



The trainees not only devoted themselves to the teaching profession but quite a number of them became writers and poets.

Poems, written after independence, showed the serious involvement and commitment of the writers towards the community. Most of them wrote poems on patriotism and nationalism. This study encompasses the anthology of poems written by five poets, namely, Suhaimi Hj. Muhammad, Kemala, Dharmawijaya, A. Wahab Ali and Rahman Shaari.

Since literary works, including poems, reflect the life of a society, this study aims to clarify the relationship between self-introspection of the poets and the elements of life in the society. In order to show the relationship, the sociological approach was used whereby aspects such as themes, function of poems and their effects on the society as well as the philosophy of poems were considered. The results of this study show that firstly, there was a strong relationship between self-introspection of poets and family issues. Secondly, there was a strong relationship between self-introspection of poets to both the rural and urban societies. Finally, there was a strong relationship between self-introspection of poets and the political scenario and religious belief in the societies.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi  
keperluan untuk ijazah Master Sastera.

**PEMIKIRAN DALAM PUISI-PUISI PENYAIR LEPASAN  
MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS SELEPAS MERDEKA**

Oleh

**NAFFI BIN MAT**

**SEPTEMBER 1999**

**Pengerusi: Kamaruzzaman bin A. Kadir**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kerajaan British telah menubuhkan Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1922, kemudian dikenali Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), bertujuan melatih guru-guru untuk sekolah rendah Melayu. MPSI bukan sahaja menyampaikan ilmu akademik tetapi memberi latihan perguruan. Dua tahun kemudian, MPSI telah menubuhkan 'Pejabat Karang-Mengarang' dan 'Pejabat Penterjemah' yang diketuai oleh R.O. Winstedt dan Za'ba, yang merupakan seorang intelek Melayu yang unggul. Di samping menghasilkan buku-buku dan penterjemahan karya sastera, pihak maktab juga menggalakkan guru-guru pelatih membaca novel dan puisi.

Selepas Malaya encapai kemerdekaan dari British pada tahun 1957, MPSI terus melatih guru-guru untuk sekolah



rendah. Mereka bukan sahaja memasuki bidang perguruan tetapi terdapat sebilangan kecil dikenali sebagai penulis dan penyair.

Puisi-puisi yang dihasilkan selepas merdeka memperlihatkan kematangan pemikiran yang lebih komited dengan melibatkan diri dalam kehidupan masyarakat. Kebanyakan mereka menghasilkan puisi bertemakan patriotisme dan nasionalisme. Kajian ini melibatkan kumpulan puisi yang dihasilkan oleh lima penyair iaitu Suhaimi Hj. Muhammad, Kemala, Dharmawijaya, A. Wahab Ali dan Rahman Shaari.

Memandangkan karya sastera iaitu puisi cerminan masyarakat, maka kajian ini bermatlamat untuk memperjelaskan introspeksi diri penyair dengan elemen-elemen kehidupan masyarakat. Untuk memperlihatkan hubungannya, pendekatan sosiologi telah diserapkan. Dalam konteks ini, aspek tema dan persoalan, fungsi puisi, kesan terhadap masyarakat dan falsafah dalam puisi diambil kira. Kesimpulannya didapati pertama, terdapat hubungan yang utuh di antara introspeksi diri penyair dengan keluarga. Kedua, hubungan introspeksi diri penyair dengan masyarakat desa dan kota. Akhir sekali, terdapat juga hubungan introspeksi diri penyair dengan keadaan politik dan fahaman keagamaan dalam masyarakat.



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Puisi Melayu moden bermula pada tahun 1930-an di Sultan Idris Training College (SITC), kemudian selepas ini disebut Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Penubuhan MPSI di Tanjung Malim mempunyai hubungan yang erat dengan sejarah kemajuan pelajaran orang-orang Melayu. Awang Had Salleh (1974: 92) menyatakan, MPSI telah dibuka dengan rasminya pada 29 November 1922 oleh W.G. Maxwell C.M.G. Pada hari itu jumlah penuntut maktab itu ialah 120 orang semuanya. Kemudian, A.M. Thani (1990: 23) pula menyatakan bahawa dalam waktu yang sama mereka telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu.

Salah satu tujuan penubuhan MPSI ialah bagi melatih guru-guru Melayu. Mereka ini sebahagian besarnya mendapat pendidikan aliran Melayu, di sekolah-sekolah Melayu dan kemudian melanjutkan pelajaran di maktab-maktab perguruan khususnya di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.



Sungguhpun Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) lebih awal ditubuhkan (1905), tetapi bahasa pengantarnya adalah bahasa Inggeris dan pelajar-pelajarnya terdiri daripada anak-anak golongan aristokrat. Jadi sebagai elit Melayu, mereka tidak memainkan peranan yang penting dalam kegiatan-kegiatan politik tahun-tahun 1930-an, bukan sahaja mereka terpisah jauh daripada golongan rakyat, tetapi juga disebabkan oleh pendidikan mereka yang berbeza daripada pendidikan yang diterima oleh rakyat biasa (Rahmat Saripan, 1972: 2). Maka penubuhan MPSI adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari masyarakat Melayu luar bandar dan masyarakat yang berpendapatan sederhana untuk dilatih menjadi guru-guru sekolah Melayu di luar bandar.

Sistem pelajaran yang diterima oleh pelajar-pelajar MPSI amat berbeza. Maktab ini dari mula lagi cuba memberi peranan mengasuh nilai-nilai kepimpinan yang setaraf dengan nilai-nilai Barat. Di samping itu, maktab ini juga lebih menitikberatkan soal-soal moral daripada pelajaran intelektual.

Pelajar-pelajar yang masuk ke MPSI dengan matlamat utamanya ialah untuk dilatih menjadi guru, adalah

golongan pelajar yang banyak mendapat kesempatan membaca buku-buku dan majalah-majalah yang datang dari Indonesia. Mengikut William R. Roff (1967: 155), tidak sedikit pula di kalangan mereka yang menaruh minat dalam politik, malah jika tidak berminat pun, mereka kagum dengan perjuangan kebangsaan di Indonesia. Mereka juga menulis untuk mendorong orang Melayu supaya dapat mempertingkatkan taraf hidup mereka. *Majalah Guru* menjadi wadah utama untuk mereka menulis. Terdapat beberapa ruangan khas dalam majalah tersebut, iaitu seperti ruangan kritik masyarakat, ruangan agama, alam wanita, dan pengetahuan.

Semangat kebangsaan yang tertanam dalam diri penuntut-penuntut MPSI sudah tertanam kerana terpengaruh dengan pejuang kemerdekaan Indonesia. Semangat ini berpunca daripada pembacaan akhbar dan majalah yang dibawa masuk dari Indonesia. Awang Had Salleh (1974: 167), menjelaskan bahawa para penuntut telah didedahkan dengan kesedaran kebangsaan itu seperti yang terdapat dalam bahan-bahan bacaan dari Indonesia. Mereka telah menggunakan buku Ilmu Sejarah sebagai alat menanamkan kesedaran kebangsaan. Mengikut Abdul Latiff Abu Bakar (1980:51) pula, mereka berpeluang membaca akhbar dan majalah dari



Indonesia, antaranya majalah *Pujanga Baru* yang banyak memuatkan sajak yang ditulis oleh para penulis yang memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

Institusi pendidikan seperti MPSI merupakan agen perubahan pikiran. Institusi pendidikan ternyata dapat membina pemikiran dalam sajak-sajak moden. Dengan tertubuhnya Sultan Idris Training College (SITC) di pinggir banjaran Titiwangsa, iaitu di bandar Tanjong Malim pada tahun 1922, secara tidak langsung telah menjadi landasan kepada bakal-bakal guru Melayu untuk membina keyakinan diri dalam usaha menghasilkan karya kreatif. Ini seiring dengan tujuan tersirat penubuhan MPSI bukan sekadar menjadi pusat pendidikan orang Melayu yang tertinggi prestijnya pada masa dan untuk melatih bakal-bakal guru, tetapi merupakan pusat lahirnya golongan penulis guru Melayu.

MPSI cukup terkenal dan dianggap 'universiti' orang Melayu yang pertama pada masa itu, dan telah melahirkan tokoh-tokoh bahasa dan kesusasteraan Melayu. Di institusi ini jugalah lahirnya penulis atau pengarang Melayu yang berwibawa. Di sinilah gerakan mengangkat martabat bahasa dan kesusasteraan Melayu telah bermula.

Pada perkembangan awal puisi moden, keadaan negara masih lagi dalam keadaan belum aman. Fenomena kehidupan masyarakat ketika itu, terutama yang masih hidup dalam keadaan kemiskinan menjadi sumber ilham untuk diangkat menjadi tema dan persoalan dalam menghasilkan puisi. Hasilnya, puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair pada masa itu lebih bernadakan nasionalisme atau berunsur patriotik. Keadaan yang berlaku dalam kehidupan bermasyarakat dan pengalaman hidup peribadi guru itu sendiri telah menjadi input supaya maklumat yang lebih berkesan dapat disalurkan melalui puisi kepada masyarakat.

Mengikut A.M. Thani (1990: 25), di kalangan guru-guru Melayu ini muncul nama-nama seperti Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurrashid, Abdullah Sidek, Muhd Yassin Makmur dan Ahmad Murad Nasaruddin. Mereka adalah golongan penulis guru yang cukup sedar akan pergolakan sosial dan politik dalam masyarakatnya. Kedatangan Jepun ke Malaya memberi erti kepada sejarah kesedaran dan kebangkitan bangsa. Jepun menjadikan karya sastera sebagai alat propaganda mereka.

Mengikut Ali Ahmad (1984: 4), penerbitan-penerbitan penting pada masa itu yang menampung karya sajak untuk maksud propaganda adalah *Berita Malai*, majalah *Semangat*

*Asia* dan *Fajar Asia*. Di antara tiga buah penerbitan tersebut, *Berita Malai* adalah amat penting dalam sejarah perkembangan sajak Melayu. Menurut Abdul Latiff Abu Bakar (1980: 51) pula, penyair-penyair MPSI ini terpengaruh dengan idea dan perjuangan kebangsaan di Indonesia bagi merebut kemerdekaan dari Belanda. Di antara persoalan yang selalu dibincangkan oleh mereka ialah:

- i. Nasib bangsa Melayu akibat kedatangan orang-orang asing.
- ii. Seruan kepada bangsa Melayu supaya mereka sedar, rajin berusaha dan bersatu mewujudkan persatuan kebangsaan yang kuat.
- iii. Raja-raja dan pemimpin-pemimpin Melayu hendaklah bertanggungjawab menjaga kepentingan dan kemajuan bangsa Melayu.

Mengikut Rahman Shaari (1998: 80) pula, dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden, guru-guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) merupakan pelopor puisi dan di tangan mereka juga puisi-puisi Melayu mencapai tingkat yang mantap, seterusnya maju hingga ke

tahap yang dapat diterima hari ini. Kegiatan menulis merupakan satu bidang yang diminati oleh guru-guru pelatih.

Kegiatan menghasilkan puisi-puisi terbukti dengan lahirnya puisi-puisi yang ditulis oleh Pungguk atau nama sebenarnya Md. Yassin Maamur pada tahun 1930-an, malah kegiatan menghasilkan puisi terus mendapat perhatian oleh bakal-bakal guru yang lain. Antara mereka yang rajin menulis pada period sebelum perang, selain dari Pungguk ialah Atma Jiwa atau Harun Aminurrashid, Kasmani Haji Arif, Cintati (Muhammad Yusuf Awang), dan Ngumba.

Puisi yang berhubungan dengan masalah kebangsaan telah dimulakan oleh Ibrahim bin Haji Yaakub yang menggunakan nama samarannya IBHY dengan puisi yang berjudul "Tanah Airku", tersiar dalam akhbar *Warta Ahad*, keluaran 3 Februari 1930. Seorang lagi penyair keluaran MPSI (1924-1927) ialah Harun bin Mohd Amin atau Harun Aminurashid. Beliau menggunakan nama samaran seperti Gustam Negara, Atma Jiwa, Har, Penulis Khas Tanjung Malim dan Si Ketuit, beliau menyeru orang Melayu supaya mengikut jejak langkah dan bertanding dengan orang-orang asing di Tanah Melayu.

Di antara penulis-penulis lain lepasan MPSI yang pernah menulis puisi yang bertemakan semangat kebangsaan ialah Md. Yusof Awang (Cintati) dan Embong Yahya (Ngumba). Cintati, melalui puisinya "Darah Muda", cuba menaikkan semangat anak-anak muda semoga mereka bergerak maju bagi kepentingan dan kemajuan bangsa. Manakala Ngumba pula memaparkan tentang kemelaratannya bangsa Melayu di Tanah Melayu disebabkan oleh kelalaian bangsa Melayu sendiri, baik dari pucuk pimpinan mahupun mereka sendiri. Keadaan bertambah buruk kerana sikap orang-orang asing yang tamak haloba dan tidak bertimbang rasa mengeskplotasikan kekayaan di negeri ini.

Seterusnya, dalam dekad 1940-an, tentera Jepun telah menapak di Malaya. Walaupun negara telah berada dalam taklukan Jepun, tetapi MPSI masih berfungsi untuk melatih bakal-bakal guru. Pada zaman Jepun ini juga, penyair-penyair dari MPSI terus berkarya. Antaranya ialah Masuri SN, Armuhata, Halim Anuar dan Mas. Peperangan Dunia Kedua memaksa penjajah British bergundur buat sementara. Situasi ini memberi kesempatan kepada penyair-penyair MPSI mengutarakan tema-tema yang lebih terbuka sifatnya. Puisi-puisi Melayu yang dihasilkan oleh Masuri SN yang cukup produktif di kala itu mulai mengemukakan tema politik dan nasionalisme dengan cara yang lebih positif.

Kemudian, pada dekad 1950-an, Masuri SN masih meneruskan kegiatan menulis puisi, malah beliau terus produktif dan masalah masyarakat pada waktu itu menjadi bahan untuk menghasilkan puisi-puisi yang bertemakan nasionalisme.

Seterusnya pada awal dekad 1950-an, keadaan politik negara tertumpu kepada perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan membetulkan sikap 'jiwa hamba' masyarakat yang seolah-olah telah dibius oleh jarum suntikan penjajah Inggeris. Puisi-puisi beberapa orang penyair pada masa itu, lebih dominan dengan keadaan sosio-politik-ekonomi, penderitaan kaum buruh, petani miskin, nelayan sengsara, majikan yang menindas, penjajah yang terus menghisap darah rakyat di tanah jajahan.

Pada dekad 1960-an dan seterusnya dekad 1970-an, lahir pula nama-nama yang cukup mantap sehingga ke hari ini iaitu Mokhtar Yasin, Zulastry (Saleh Daud), Suhaimi Hj. Muhammad, Kemala, A. Wahab Ali, Dharmawijaya dan Rahman Shaari. Manakala dalam dekad 1980-an pula, lahir seorang penyair generasi baru lepasan MPSI yang berpotensi untuk muncul sebagai penyair penting Malaysia, iaitu Nassury Ibrahim (1987-1989).

Bermula dari zaman kepenyairan Pungguk sehingga ke  
ambang abad 21, seolah-olah terdapat pertalian yang  
menarik dan cukup rapat. Mengikut Rahman Shaari (1998:  
82):

... pertalian ini cukup membanggakan, kerana  
perkembangan puisi moden Melayu memperlihatkan  
seolah-olah seiring dengan perkembangan  
karya-karya penyair lepasan maktab tersebut.  
Sesungguhnya, penyair-penyair lepasan MPSI  
selepas merdeka terus berkarya sehinggalah  
ke hari ini.

Puisi telah menjadi wadah dan media untuk meng-  
kritik dan mengeksploitasikan pemerintah. Puisi pada  
waktu pemerintahan British merupakan saluran untuk  
membetulkan tanggapan-tanggapan masyarakat supaya  
prihatin terhadap keadaan politik, ekonomi dan sosial  
negara mereka.

Dalam masyarakat Melayu, puisi menjadi bentuk media  
yang terpenting. Dalam konteks ini, sejarah perkembangan  
puisi Melayu bermula dengan pantun, syair, gurindam,  
seloka dan jampi mantera hingga membawa kepada perubahan  
dan kesinambungan bentuk, isi dan mesej yang akhirnya  
menghasilkan apa yang dipanggil sajak iaitu puisi Melayu  
moden tidak dapat dinafikan. Mengikut Muhammad Hj. Salleh

(1986: 47), puisi di Malaysia dewasa ini sudah sampai kepada suatu tingkat yang boleh dibanggakan. Puisi ini memperlihatkan bukan sahaja kematangan dan keseriusan pemikiran tetapi juga kematangan dan keseriusan pengolahannya. Pintu fikiran mereka sudah terbuka luas dan dapat menghadapi hampir kesemua yang berlaku di sebelah dalam atau luar pintu itu.

Bermula dari tahun-tahun 1960-an, dapat dikesan suatu arah dalam puisi Melayu yang menjanjikan kematangan intelektual di masa depan. Karya-karya ini sudah mula berdasarkan kepada pemikiran yang lebih analitikal dan mendalam. Yang dibincangkan termasuklah juga persoalan kewujudan atau eksistential dan hubungan manusia dengan alam sekitar selain daripada interaksi manusia individu dengan manusia lain. Ini bertepatan dengan pendapat Lukacs (1950: 11-12), yang mengangkat martabat penyair waktu itu antaranya keiltizaman dalam gerakan kemasyarakatan, tegasnya mereka menghasilkan karya-karya yang lebih komited dan melibatkan diri dalam kehidupan masyarakat secara serius. Justeru itu, puisi moden telah membentuk suatu aliran sastera yang menimbulkan pemikiran budayanya. Hakikat ini berlaku terutamanya pada zaman selepas perang, perasaan kebangsaan telah digabungkan dengan perjuangan kemerdekaan.



Perkembangan puisi Melayu moden di Malaysia berada dalam iklim yang memperlihatkan kegiatan yang berterusan. Perkembangannya tidak terpisah daripada perkembangan sosio-budaya dan sosio-politik negara. Selepas Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, penyair-penyair Melayu terus berkarya. Mereka tidak sahaja merakamkan permasalahan masyarakat secara menyeluruh dan lumrah, tetapi menyampaikan perutusan tentang hasrat dan aspirasi masyarakat Melayu sama ada untuk kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan.

Perubahan sistem masyarakat Melayu dari berbentuk tradisional kepada yang lebih moden dan kompleks menyebabkan puisi-puisi Melayu turut berkembang dan berubah dari segi pemikirannya. Menurut Rohana Yusof (1997: 72), masyarakat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia di muka bumi ini. Masyarakat ialah penggerak proses tamadun manusia.

Sebagai seorang manusia yang perenung dan pengamat, penyair adalah pengkritik dan penilai masyarakatnya. Sehubungan dengan ini, penyair mestilah bersifat sensitif terhadap perubahan-perubahan dalam masyarakatnya. Penyair menimbulkan isu-isu masyarakat yang bersifat positif dan negatif. Mereka lebih prihatin untuk mendedahkan karenah